

Johor jadi perintis penghasilan tenaga biodiesel

BATU PAHAT - Johor bercadang menjadi perintis penghasilan tenaga alternatif biodiesel negara pada masa akan datang.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, usaha itu diharap dapat dirintis menerusi Loji Pemprosesan Minyak dan Gas Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) dengan kerjasama Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC), yang dibangunkan dengan kos RM13 juta dan beroperasi sejak 2012.

Menurutnya, loji berkeluasan 1,000 meter persegi itu direka untuk memproses minyak sawit mentah dan sisa sawit menjadi bahan bakar biodiesel, selain melakukan kajian bagi menjana tenaga alternatif baharu kepada negara.

"Loji Pemprosesan Minyak dan Gas UTHM ini turut mempunyai

makmal khas yang berperanan sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan tenaga, selain dari sumber petroleum.

"Langkah menghasilkan tenaga yang dikeluarkan minyak sawit ini amat signifikan dengan Johor, kerana kita merupakan negeri pengeluar minyak sawit mentah terbesar negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap selepas lawatan ke loji berkenaan di sini, semalam

Pada majlis sama, beliau turut menyaksikan majlis menandatangani MoA antara UTHM yang diwakili Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin dan JPDC diwakili Ketua Eksekutifnya, Mohd Yazid Ja'afar.

Tambah Mohamed Khaled, fasiliti yang terdapat di loji itu juga bakal mempromosikan kepakaran



Mohamed Khaled (tengah) menyaksikan majlis menandatangani MoA antara JPDC dan UTHM.

tempatan termasuklah penyelidikan dan pembangunan industri minyak serta gas dunia.

Katanya, lebih membanggakan loji di UTHM itu merupakan salah satu daripada tiga loji pemprosesan minyak dan gas yang diiktiraf badan antarabangsa, City & Guilds, United

Kingdom.

"Dua loji lagi ialah di India dan Arab Saudi, yang mana ia dimiliki syarikat minyak terkemuka dunia iaitu Chevron dan Aramco.

"Kewujudan loji ini akan mendukung kelestarian Johor apabila pelaburan dalam bidang minyak dan

gas terus diperkasakan sehingga ke peringkat tertinggi.

"Jika kita tak mencari dan melabur untuk cari sumber lain, kita akan berdepan dengan krisis tenaga yang boleh membantutkan pertumbuhan pesat negeri ini," katanya.